

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[ SEKIJANG ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [ SEKIJANG ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan kriteria yang diperlukan bagi melayakkan seseorang itu dilantik sebagai guru tabika KEMAS dan apakah keistimewaan tabika KEMAS ini jika dibandingkan dengan tabika yang lain.

## **JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat syarat utama untuk dilantik sebagai Pendidik Masyarakat TABIKA KEMAS adalah memiliki Diploma Pendidikan Awal kanak-kanak sejajar dengan dasar sedia ada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Namun begitu, bukan syarat kelayakan akademik sahaja menjadi ukuran utama yang diberikan perhatian kepada bakal pendidik TABIKA KEMAS. Mengambilkira pendidik adalah insan penting dalam membentuk keberhasilan kanak-kanak selain daripada peranan ibubapa di rumah, pendidik TABIKA KEMAS dipilih berdasarkan sifat peribadi serta tingkah laku yang positif. Sifat peribadi yang dimaksudkan adalah baik hati, sabar serta sayang kepada kanak-kanak. Manakala, tingkah laku yang positif termasuk berintegriti, menepati masa serta berketrampilan menarik.

TABIKA KEMAS mempunyai keistimewaan dan mampu bersaing dengan dengan prasekolah yang lain di Malaysia. Buktinya, Jabatan Kemajuan Masyarakat telah diiktiraf sebagai jenama yang paling dipercayai oleh masyarakat dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak pada tahun 2017 dan 2020.

Anugerah “*Trusted Brand*” dalam kategori “Pusat Pembelajaran Prasekolah Pilihan Pengguna” di Malaysia oleh Reader’s Digest yang diterima oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat ini, dinilai berdasarkan aspek kualiti, inovasi, mutu dan tanggungjawab sosial, kebolehpercayaan, kreadibiliti serta kebolehfahaman kepada kehendak pengguna.

Khususnya, TABIKA KEMAS mempunyai keistimewaan tersendiri seperti berikut:

- a) Pelbagai modul telah dibangunkan selari dengan kandungan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) melalui kerjasama strategik bersama Institut Pendidikan Tinggi Awam/ Swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta pihak industri. Modul-modul ini bukan sahaja memberi fokus kepada perkembangan intelek sahaja iaitu kemahiran membaca, menulis dan mengira tetapi semua perkembangan kanak-kanak seperti sosial, emosi, rohani serta fizikal. Antara modul yang dibangunkan adalah seperti:

- (i) *Science, Technology, Religion, Engineering, Arts & Mathematics (STREAM)* di TABIKA
  - (ii) Modul Patriotik
  - (iii) Garis Panduan Amalan Kebersihan di TABIKA
  - (iv) Modul Keyakinan Diri
  - (v) Modul Penghayatan Pendidikan Islam
  - (vi) Garis Panduan *Teacher-Children Interactions*
  - (vii) Modul Pengukuhan dan Pengayaan
- b) Selain daripada aspek kurikulum, TABIKA KEMAS juga memberi perhatian kepada aktiviti ko-kurikulum. Misalnya, Hari POTENSI KEMAS yang dilaksanakan setiap tahun dalam kalangan kanak-kanak di TABIKA KEMAS dapat mengungkapkan potensi mereka dalam acara sukan serta bakat. Pertandingan yang dilaksanakan di peringkat Parlimen, Negeri dan Kebangsaan ini sekaligus mengeratkan hubungan simbiosis antara ibubapa/ masyarakat dan TABIKA.
- c) Ibubapa/ masyarakat bersama TABIKA juga dilibatkan dalam semua aktiviti pendidikan kanak-kanak di TABIKA melalui aktiviti seperti Pintar Botani, Bengkel Kemahiran Keibubapaan, Kempeng Seronoknya Membaca, Sambutan Bulan Kebangsaan, Minggu STREAM di KEMAS, Bulan PEERS di KEMAS serta pelbagai aktiviti pembelajaran kanak-kanak terutamanya sepanjang pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) semasa pengoperasian TABIKA ditutup disebabkan penularan wabak Covid-19 sejak 2020 yang lalu.